

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 FEBRUARY 2015



**NAJIB TUN RAZAK** menerima kunjungan hormat **Ryamizard Ryacudu**, di pejabatnya di Putrajaya, semalam. Turut hadir **Hishammuddin Hussein**. - BERNAMA

# Malaysia, Indonesia sepakat basmi lanun

um - 27/2/2015

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**

rodelio.taucan@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 26 FEB.**

**M**ALAYSIA dan Indonesia mencapai persetujuan memperkukuh kerjasama ketenteraan di perairan Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu bagi memastikan sempadan maritim kedua-dua negara selamat daripada ancaman lanun.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, persetujuan tersebut dicapai dalam pertemuan beliau dengan rakan sejawatnya dari negara itu, Jeneral Ryamizard Ryacudu di Wisma Perwira di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, beberapa perkara lain turut dibincangkan dalam pertemuan berkenaan antaranya ancaman kumpulan militan Negara Islam

(IS), inisiatif mewujudkan pasukan pengaman ASEAN, persempadanan maritim dan koordinasi menghadapi bencana alam.

“Berhubung kerjasama menjaga perairan, saya telah memaklumkan kepada Indonesia mengenai hasrat Malaysia mempelawa Myanmar sebagai pemerhati di Selat Melaka bagi meningkatkan kapasiti negara itu dari segi pengetahuan keselamatan maritim selain memperkasa kerjasama sedia ada.

“Mengenai IS, peranan kedua-dua negara amat penting dan kritikal kerana mempunyai penduduk Islam terbesar di rantau ASEAN,” katanya dalam sidang akhbar selepas pertemuan itu.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim Bakri; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Laut, Lak-

samana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Roslan Saad.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, beliau telah memohon sokongan Indonesia dalam usaha merealisasikan konsep pasukan pengaman ASEAN yang akan diletakkan di bawah bendera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, terdapat tiga fasa dalam konsep berkenaan iaitu penerimaan pakai lencana ASEAN dalam kalangan negara anggota, penghantaran misi-misi ASEAN ke luar negara dan penggunaan bendera PBB yang dilihat berupaya meningkatkan imej rantau ini.

“Dalam isu maritim pula, kedua-dua negara bersetuju untuk tidak melanjutkan sebarang provokasi dan pertikaian yang wujud sehingga mampu menjejaskan hubungan diplomatik yang terjalin,” katanya.